



NIK Ikrami (tengah) bergambar bersama Dr Zaharuddin (kanan). FOTO ihsan Al Khairi Qurban

Kuala Lumpur: Al Khairi Qurban & Aqiqah pada Jumaat lalu memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Elzar Shariah Solutions & Advisory.

Pemeteraian itu bermatlamat menjamin kualiti kepatuhan syariah oleh Al Khairi Qurban dalam setiap gerak kerja pengurusan korban secara wakil.

Al Khairi Qurban dalam kenyataan berkata, antara komponen penting dalam pengurusan korban secara wakil adalah akad yang mana Al Khairi Qurban menggunakan 'Akad Salam' dan 'Wakalah'.

"Secara asasnya Akad Salam merujuk kepada akad tempahan kepada jenis haiwan dan haiwan yang dinyatakan manakala Akad Wakalah merujuk kepada peserta mewakilkan urusan korban kepada wakil tanpa upah kerana upah sudah termasuk dalam akad tempahan," katanya.

Pada majlis memeterai MoU itu, Al Khairi Qurban & Aqiqah diwakili Nik Ikrami Omar manakala Elzar Shariah Solutions & Advisory diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Dr Zaharuddin Abd Rahman.

Kenyataan itu berkata, penggunaan akad dalam urusan ibadah sangat penting bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan sempurna, selain menjadi 'hitam putih' dalam urusan antara dua pihak.

"Ketelitian Al Khairi Qurban & Aqiqah dalam penyusunan akad mencerminkan komited mereka dalam memastikan pelaksanaan korban setiap peserta berjalan dengan baik seiring hukum syarak," katanya.

**Disiarkan pada: Jun 25, 2022 @ 10:52am**